

Cadang koperasi sekolah urus kantin

Sinar Harian (m/s 51) 14/03/2017

KUALA TERENGGANU- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berhasrat untuk mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pendidikan supaya menimbang untuk meletakkan pengurusan kantin sekolah di bawah koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sekiranya dilaksanakan, koperasi sekolah akan diberi tanggungjawab untuk pengurusan kantin, termasuk mencari operator yang bersesuaian.

Menurutnya, buat masa ini, kantin dan koperasi sekolah adalah sama taraf, menyebabkan timbul isu atau masalah kepentingan.

"Tetapi kalau diletakkan di bawah koperasi sekolah, masalah isu kepentingan ini tidak akan berlaku kerana mereka di bawah pengurusan yang sama. Maknanya, apa yang ditentukan oleh koperasi, kantin sekolah kena ikut.

"Kalau kantin diuruskan oleh swasta, matlamatnya adalah keuntungan maksimum. Tetapi kalau koperasi, tidak begitu kerana mereka perlu jaga kepentingan ahlinya. Maknanya, kita buat mestilah nak untung tetapi



Abdul Fattah (duduk, tengah) bersama jawatankuasa pada Program Khas Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka 2017 yang berlangsung di Hotel Tanjung Vista, semalam.

ahli itu didahulukan juga.

"Ini kerana matlamat koperasi adalah memberikan kesejahteraan kepada ahlinya. Sekarang ini, sudah ada koperasi sekolah yang laksanakannya dan berjaya, tiada lagi masalah antara kantin dan koperasi yang bergaduh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Program Khas Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah Negeri Melaka 2017 yang berlangsung di Hotel Tanjung Vista di sini, semalam.

Jelas beliau, buat masa ini, pengurusan kantin terletak di bawah pengetua di mana tender akan dikeluarkan

apabila tempoh kontrak sudah tamat.

Melalui kaedah ini katanya, pihak swasta perlu bersaing untuk mendapatkan kontrak, berbanding jika koperasi yang menguruskannya, ia akan menjadi sumber yang mendatangkan pulangan ekonomi kepada sekolah dan komuniti sekolah.

"Walau apa jua yang kita lakukan di sekolah, mestilah untuk manfaat warga sekolah. Maknanya, kalau kantin diuruskan oleh koperasi sekolah, tentulah kita nampak lebih banyak kebaikannya kepada komuniti sekolah, mungkin harganya tidaklah mahal macam sekarang," katanya.